

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah utama pelajar-pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat prestasi akademik pelajar-pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal, dan mengenal pasti orang yang ditemui oleh pelajar remaja berkenaan untuk menyelesaikan masalah mereka.

Masalah-masalah remaja dibahagikan kepada sebelas bidang iaitu bidang kesihatan dan perkembangan fizikal; kewangan dan keadaan kehidupan; aktiviti rekreasi dan sosial; persahabatan, seks, dan perkahwinan; hubungan dan interaksi sosial; personaliti dan hubungan peribadi; agama dan moral; rumah dan keluarga; masa hadapan, kerjaya dan pendidikan; penyesuaian diri dengan persekolahan; dan kurikulum dan pembelajaran.

Responden kajian secara tinjauan ini terdiri daripada 30 orang pelajar remaja lelaki dan perempuan daripada keluarga ibu tunggal yang sedang belajar dalam Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima di sekolah-sekolah menengah di sekitar bandar raya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Data telah diperolehi dengan menggunakan soal selidik Senarai Semak Masalah Mooney.

Ada tiga dapatan utama kajian ini. Pertama, pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal menyatakan mereka ‘bermasalah’ dalam bidang masa hadapan dan kerjaya,

rekreasi dan aktiviti sosial, personaliti dan hubungan peribadi, penyesuaian diri dengan persekolahan, dan agama dan moral. Bidang yang ‘amat bermasalah’ atau amat mengganggu pelajar remaja ialah bidang personaliti dan hubungan peribadi, bidang penyesuaian diri dengan persekolahan, dan bidang urusan rumah dan keluarga.

Kedua, antara perkara-perkara spesifik yang ‘amat bermasalah’ dan sering mengganggu pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal ialah ‘tidak memperuntukkan masa yang cukup untuk belajar,’ ‘tiada komunikasi dengan bapa,’ ‘tidak tahu cara belajar yang berkesan,’ ‘mengalami masalah dalam matematik,’ dan ‘ibu terlalu banyak berkorban dan kuat kerja.’

Ketiga, pelajar-pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal mempunyai prestasi akademik baik-cemerlang. Ini bermakna bahawa keadaan hidup keluarga ibu tunggal tidak menjelaskan pelajaran mereka. Dan, remaja lebih selesa berunding dengan kawan-kawan terlebih dahulu, kemudian ibu dan adik-beradik, untuk menyelesaikan masalah mereka.

Satu implikasi penting kajian ini ialah remaja daripada keluarga ibu tunggal memerlukan bantuan kaunselor sekolah, guru-guru, dan ibu mereka dalam proses penyesuaian diri di sekolah, dalam proses pembelajaran sains dan matematik, dan dalam proses hubungan dalam keluarga. Konsep pembimbing rakan sebaya penting diamalkan dalam proses kaunseling kerana, seperti yang didapati dalam kajian ini, remaja utamakan rakan-rakan mereka, bukannya guru atau ibu, untuk menyelesaikan masalah mereka.

PROBLEMS OF ADOLESCENT STUDENTS FROM SINGLE -MOTHER FAMILIES

ABSTRACT

The main purpose of this study was to identify problems faced by adolescent students from single-mother families in Kuala Lumpur and Petaling Jaya. This study also examined the academic performance of those students and the individuals whom the students consult for resolving their problems.

Student problems were classified into eleven areas, namely: health and physical development; financial and life situation; recreational and social activities; friendship, sex, and marriage; personality and private relations; social relations and interaction; religion and moral; family and home; future life and career; self-adaptation in schooling; and learning and curriculum.

The subjects in this study comprised 30 adolescent students from single-mother families residing in Kuala Lumpur and Petaling Jaya city areas. Data was collected by means of a survey using a translated version of the Mooney Problems Checklist.

This study revealed three major findings. First, the adolescent students from single-mother families faced 'fairly serious problems' in the areas of future and career, recreation and social activities, private and personal relations, adaptation to schooling, and religion and moral. Students experienced 'serious problems' in the categories of personality and private relationships, adaptation to schooling, and home and family situation. And, students faced minimal problems in the categories of sex and marriage, health and physical development, and curriculum and learning.

Second, specific problem items that were ranked as serious and very disturbing were ‘improper allocation of time for study,’ ‘father’s apathy,’ ‘ignorance of effective study techniques,’ ‘poor in mathematics,’ and ‘mother working too hard.’

Third, adolescent students from single-mother families performed well in their studies; thus, this reflects that their status and condition of living in single-mother homes did affect their academic performance. And, adolescents consulted their friends first, then their mother and siblings, to resolve their problems.

An important implication that could be derived from this study is that adolescents from single-mother families seriously need counselling from their school counsellors, or advices and attention from their teachers, in the areas of self-adaptation in schooling, learning science and mathematics, and family relations. Peer group counselling is certainly the best approach because, as revealed in this study, adolescents sought the help of friends more than other people to resolve their problems.